

Melaka salur bantuan tunai RM500,000



MELAKA - Kerajaan Negeri Melaka memperuntukkan wang tunai segera RM500,000 untuk diagihkan kepada mangsa banjir di negeri ini, kata Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Idris Haron.

Katanya, setiap keluarga diberi bantuan RM500 berbanding RM200 sebelum ini yang bertujuan meringankan beban mangsa.

"Setakat ini 170 keluarga telah menerima bantuan ini yang berjumlah RM85,000 dan kami akan teruskan usaha membantu rakyat terjejas akibat banjir.

"Ini merupakan bantuan segera iaitu sagu hati daripada kerajaan negeri bagi meringankan beban mangsa dan bukan untuk menggantikan kerosakan barangan mereka," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Penyampaian Sumbangan Perayaan Krismas 2015 kepada 247 penerima dengan setiap seorang menerima RM200.

Terdahulu beliau mempengerusikan Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri Melaka di sini. Idris berkata, pihaknya mengarahkan Badan Kawal Selia Air Melaka meminta kontraktor segera meletakkan guni pasir di kawasan berisiko tinggi banjir.

Katanya, peruntukan sebanyak RM250,000 disediakan bagi kerja-kerja meletakkan guni pasir itu bagi memastikan air tidak melimpah ke kawasan lain yang boleh menyebabkan banjir.

"Pihak Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) juga akan bekerjasama dengan pihak Jabatan Pengairan dan Saliran untuk maklumkan dari semasa ke semasa mengenai ketinggian paras air," katanya.

Beliau berkata kerajaan negeri juga mengarahkan pihak pengurusan banjir untuk meningkatkan penyediaan pelbagai kemudahan seperti keperluan asas dan makanan kepada mangsa di pusat pemindahan banjir. -Bernama